

BAB KEEMPAT

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab keempat ini, pengkaji mengemukakan dapatan dan analisis kajian secara terperinci. Dapatan kajian ini dibincangkan menurut susunan objektif kajian, iaitu;

- i- tahap pemikiran pelajar terhadap bacaan teks Arab.
- ii- tahap pemahaman pelajar terhadap bacaan teks Arab.
- iii- hubungan di antara tahap pemikiran dan tahap pemahaman dalam bacaan teks Arab.
- iv- hubungan di antara jantina, program, sekolah terakhir dengan tahap pemikiran dan tahap pemahaman dalam penguasaan bacaan teks Arab.

Setiap objektif dikemukakan mengikut langkah-langkah berikut; iaitu analisis serta dapatan data, rumusan dan perbincangan. Semua data dipersembahkan secara deskriptif atau huraian dalam bentuk frekuensi (f), peratusan (%), min dan sisihan piawai. Walau bagaimanapun, bagi data yang ada kaitan dengan pengaruh (melihat hubungan), huraian juga dilakukan dalam bentuk analisis korelasi.

4.2 Tahap Pemikiran Pelajar Terhadap Bacaan Teks Arab

Untuk menjawab objektif kajian yang pertama ini, tiga aspek utama tahap pemikiran pelajar dikemukakan; iaitu:

- i. pemikiran pelajar mengikut setiap item
- ii. pemikiran pelajar mengikut kemahiran yang terdapat pada setiap tahap
- iii. pemikiran pelajar secara keseluruhan; iaitu mengikut tahap rendah, sederhana, dan tinggi

Selain itu, perbincangan turut dikemukakan berdasarkan maklumat demografik pelajar; seperti program, jantina, semester dan pengkhususan.

4.2.1 Analisis Dan Dapatan Data

4.2.1.1 Pemikiran Pelajar Mengikut Setiap Item

Untuk melihat tahap pemikiran pelajar ($n = 135$) mengikut setiap item dengan lebih jelas, pengkaji telah meringkaskan skala yang disenaraikan dalam soal selidik daripada lima pecahan (1, 2, 3, 4, 5) kepada tiga pecahan sahaja (1, 2, 3). Skala 1 mewakili jawapan negatif bagi pecahan 1 (amat tidak setuju) dan pecahan 2 (tidak setuju). Skala 2 mewakili jawapan 'tidak pasti' manakala skala 3 mewakili jawapan positif responden iaitu pecahan 4 (setuju) dan pecahan 5 (sangat setuju).

Jadual 4.1 di bawah, menunjukkan dapatan keseluruhan skor min, peratus serta sisihan piawai bagi setiap item yang melibatkan seluruh responden (n=135). Dapatan kajian menunjukkan bahawa item 1 ‘saya mengetahui bahawa teks Arab mesti dibaca dari kanan ke kiri, dan saya dapat mempraktikkannya dengan mudah’ memperoleh skor min yang tertinggi ($M = 4.92$ (100% setuju), $SD = 0.26$, $n = 135$). Manakala item 50 ‘saya mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan bentuk-bentuk sastera dalam karya tradisi Arab’ memperoleh skor min yang terendah ($M = 2.48$, $SD = 0.90$). Ini menunjukkan lebih separuh ($n = 68$) 50.4% daripada responden tidak mempunyai pengetahuan mendalam tentang bentuk sastera tradisi Arab. Manakala 37% daripada mereka ($n = 50$) tidak pasti tahap pengetahuan mereka tentang perkara tersebut. Hanya 12.6 % ($n = 17$) sahaja yang mengakui mereka mempunyai pengetahuan mendalam dalam sastera tradisi Arab.

JADUAL 4.1 Dapatan Skor Min, Peratus Dan Sisihan Piawai Keseluruhan Item

Bil	Item	Min	Skala			S.P.
			Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	
1	kanan kiri	4.92	-	-	100%	.26
2	kenal huruf bunyi	4.76	0.7%	2.2%	97%	.52
3	kenal sebut	4.10	1.5%	21.5%	77%	.78
4	teliti dari baris ke baris	3.74	3.7%	38.5%	57.8%	.81
5	tahu alamat tarqim	3.77	3.7%	36.3%	60%	.85
6	tahu tanda rujukan	3.82	5.9%	29.6%	64.5%	.89
7	tahu huruf hija:yyah	4.50	0.7%	7.4%	91.9%	.66
8	dapat beza tulisan Arab	4.43	1.5%	6.7%	91.8%	.68
9	dapat sebut betul dgn makhraj	4.04	4.4%	16.3%	79.2%	.79
10	selalu rujuk bahagian akhir buku	4.23	1.5%	11.9%	86.6%	.71
11	kenal perkataan seerti	3.04	19.3%	56.3%	24.4%	.77
12	kenal satu perkataan banyak makna	2.80	31.9%	49.6%	18.5%	.83
13	beza erti dan lawan	3.27	19.2%	39.3%	41.5%	.90

Jadual 4.1, sambungan

14	tahu dengan baca cepat	3.03	25.2%	45.9%	28.9%	.94
15	rumus isi penting	3.24	18.5%	43%	38.5%	.85
16	boleh analisis teks	3.22	17.8%	41.5%	40.8%	.80
17	ingat apa yang dibincang	3.31	12.6%	46.7%	40.8%	.72
18	kenal isu utama	3.62	8.1%	29.6%	62.2%	.76
19	beza isi penting dan sampingan	3.40	9.6%	45.2%	45.2%	.73
20	tahu perjalanan cerita	3.43	8.1%	43%	48.9%	.71
21	latih diri dengan morfologi	3.41	11.8%	43%	45.2%	.88
22	tahu makna baru ikut konteks ayat	3.35	11.8%	44.4%	43.7%	.82
23	tahu makna tersirat	2.94	25.2%	52.6%	22.2%	.79
24	selalu guna kamus	3.62	16.3%	23.7%	60%	1.02
25	tahu beza fakta	3.21	17.1%	48.1%	34.8%	.87
26	kait tanda baca dengan idea	3.04	23%	52.6%	24.4%	.80
27	teka makna ayat	3.85	8.8%	13.3%	77.7%	.82
28	jaga tanda 'ikrab	3.29	18.5%	39.3%	42.3%	.86
29	dapat rumus teks	3.07	19.3%	51.95	28.95	.79
30	pilih keterangan sokong isu	3.17	14.8%	53.3%	31.95	.72
31	batas isi berkaitan tajuk	3.37	11.8%	40%	48.2%	.78
32	tahu objektif penulis	3.17	17.8%	46.7%	35.6%	.77
33	tahu beza maklumat	3.34	11.85	43.75	44.5%	.74
34	tahu beza sama fakta	3.28	14%	45.25	40.8%	.76
35	tahu cari bukti	3.09	22.2%	47.4%	30.4%	.80
36	dapat tumpu perhatian	3.40	12.65	37.85	49.6%	.78
37	kena tahu ayat untuk faham	3.35	15.5%	34.15	50.4%	.83
38	tahu susun fakta	2.99	23.7%	51.95	24.4%	.75
39	dapat kritik teks	2.87	28.1%	52.6%	19.35	.81
40	dapat cari masalah baru	2.85	29.6%	53.3%	17%	.71
41	faham fakta yang sama dengan hidup	3.83	7.4%	14.8%	77.7%	.74
42	dapat suaikan diri dengan kelajuan bacaan nyaring	3.91	4.5%	23%	72.5%	.85
43	dapat tafsir perasaan	3.20	15.6%	48.9%	35.6%	.82
44	tahu ubah makna dengan perubahan ayat	3.29	14.1%	45.2%	40.8%	.82
45	tahu isi-isi penting	3.19	18.5%	45.9%	35.5%	.84
46	tentukan tahap kelajuan bacaan	3.05	24.4%	47.4%	28.1%	.85
47	berpandukan makna semasa baca cepat	3.31	14.1%	44.4%	41.5%	.82
48	dapat cari bahan tambahan untuk luas maklumat	3.65	8.9%	26.7%	64.4%	.83
49	minat tahu idea-idea penulis	3.49	13.3%	34.1%	52.6%	.87
50	betul-betul tahu karya tradisi Arab	2.48	50.4%	37%	12.6%	.90

Selain itu, analisis dapatan kajian tahap pemikiran responden ($n = 135$) berdasarkan skor min kelompok rendah berkisar antara julat 2.4 sehingga 2.9 serta sisihan piawai dan peratusan. Item 12 ‘saya mengetahui banyak makna bagi satu perkataan sahaja’ mendapat skor min kedua terendah ($M = 2.80$, $SD = .83$). Kira-kira 31.9 % ($n = 43$) tidak mengetahui banyak makna bagi satu perkataan, manakala 49.6% ($n = 67$) tidak pasti dan hanya 18.5% ($n = 23$) sahaja yang setuju mengetahui banyak makna. Di samping itu, item 40 ‘saya dapat mencari permasalahan baharu yang berkaitan dengan teks’ memperoleh skor min ketiga terendah ($M = 2.85$, $SD .71$). Kira-kira 29.6% ($n = 40$) tidak dapat mencari permasalahan baharu berkaitan teks yang dibaca, manakala 53.3% ($n = 72$) tidak pasti dan 17% ($n = 23$) dapat mencari permasalahan baharu yang berkaitan dengan teks. Adapun item 39 ‘saya dapat mengemukakan pendapat sendiri serta mengkritik teks yang dibaca’ mendapat skor min keempat terendah ($M = 2.87$, $SD = .81$). Item ini menunjukkan 28.1% ($n = 38$) tidak dapat mengemukakan pendapat sendiri serta tidak dapat mengkritik teks yang dibaca, lebih separuh iaitu; 52.6% ($n = 71$) tidak pasti dan 19.3% ($n = 26$) dapat mengemukakan pendapat sendiri dan mengkritik teks yang dibaca. Kesemua skor min pemikiran rendah ini dapat dilihat dalam jadual 4.2 berikut:

Jadual 4.2 Skor Min Pemikiran Rendah Berdasarkan Item

Item	Min	S.P
38	2.99	.75
23	2.94	.79
39	2.87	.81

Jadual 4.2, sambungan

40	2.85	.71
12	2.80	.83
50	2.48	.90

Dapatan analisis statistik deskriptif bagi kelompok skor min sederhana pula menunjukkan , rata-rata berkisar antara julat 3.0 hingga 3.9. Kebanyakan min jawapan responden berada antara julat ini. Item 42 ‘saya dapat menentukan tahap kelajuan yang sepatutnya ketika bacaan secara nyaring bagi memahami teks’ memperoleh skor min tertinggi ($M = 3.91$, $SD = .85$). Ini dibuktikan dengan hanya 4.5% ($n = 6$) tidak dapat menentukan tahap kelajuan semasa bacaan nyaring bagi memahami teks, manakala 23% ($n = 31$) tidak pasti dalam masalah ini. Sebaliknya 72.5% ($n = 98$) daripada responden dapat menentukan tahap kelajuan bacaan nyaring bagi memahami teks. Dalam pada itu, item 49 ‘semasa membaca, saya amat berminat untuk mengetahui idea-idea penulis serta cara susun atur idea-idea tersebut’ mendapat skor min pertengahan ($M = 3.49$, $SD = .87$). Kira-kira 13.3% ($n = 18$) tidak berminat untuk mengetahui idea-idea penulis. Manakala 34.1% ($n = 46$) tidak pasti berminat dan lebih separuh 52.6 % ($n = 71$) amat berminat dalam perkara ini. Item 14 ‘saya akan memperolehi pengetahuan menerusi bacaan secara cepat (*skimming*)’ mendapat skor min terendah ($M = 3.03$, $SD = .94$). Ini jelas, dengan 25.2% ($n = 34$) tidak yakin memperolehi pengetahuan menerusi bacaan cepat. Di samping itu, 45.9% ($n = 62$) tidak pasti berkeyakinan dan 28.9% ($n = 39$) berkeyakinan penuh mereka akan memperolehi pengetahuan dengan bacaan secara cepat. Butiran Ini dapat dilihat dalam jadual 4.3 berikut.

Jadual 4.3 Skor Min Pemikiran Sederhana Berdasarkan Item

Item	Min	S.P
42	3.91	.85
49	3.49	.87
14	3.03	.94

Dalam pada itu, skor min kelompok tinggi bagi pemikiran responden berada antara julat 4.0 hingga 4.9. Item 1 ‘saya mengetahui bahawa teks Arab mesti dibaca dari kanan ke kiri, dan saya dapat mempraktikkannya dengan mudah’ memperoleh skor min yang tertinggi ($M = 4.92$, $SD = 0.26$). Ini terbukti apabila 100 % ($n = 135$) semua responden mengetahui bahawa teks Arab mesti dibaca dari kanan ke kiri. Ia bertepatan dengan tanggapan pengkaji terhadap responden pada item ini. Di samping itu, item 7 ‘saya mengetahui cara menyebut huruf-huruf hija:yyah mengikut kedudukannya di dalam perkataan’ mendapat skor min pertengahan ($M = 4.50$, $SD = .66$). Hanya 0.7% ($n = 1$) sahaja yang tidak tahu cara menyebut huruf hija:yyah. Manakala 7.4% ($n = 10$) tidak pasti mengetahui cara sebutan huruf- huruf tersebut dan kebanyakan responden 91.9% ($n = 124$) mengetahui cara menyebut huruf- huruf hija:yyah mengikut kedudukannya di dalam perkataan. Dalam pada itu, item 9 ‘saya memberi perhatian kepada cara sebutan huruf serta makhraj yang betul semasa membaca secara nyaring’ memperoleh skor min terendah dalam kelompok ini ($M = 4.04$, $SD = .79$). Ia dapat dilihat apabila hanya 4.4% ($n = 6$) tidak memberi perhatian kepada cara sebutan huruf serta makhraj yang betul. Manakala 16.3% ($n = 22$) tidak pasti dapat memberi perhatian dalam hal ini dan 79.2% ($n = 107$) menyatakan mereka dapat memberi perhatian tentang cara sebutan

huruf dan makhraj semasa bacaan nyaring. Maklumat ini dapat diperhatikan dalam jadual 4.4 di bawah.

Jadual 4.4 Skor Min Pemikiran Tinggi Berdasarkan Item

Item	Min	S.P
1	4.92	.26
7	4.50	.66
9	4.04	.79

4.2.1.2 Pemikiran Pelajar Mengikut Kemahiran Yang Terdapat Pada Setiap Tahap

Berdasarkan dapatan kajian analisis statistik deskriptif yang dijalankan, keputusan analisis bagi tahap pemikiran rendah mengikut kemahiran mendapati, skor min tahap ini tinggi ($M = 4.23$, $SD = .41$). Ini menandakan kebanyakan responden dapat menguasai kemahiran teknikal umum semasa membaca. Antara kemahiran teknikal umum yang terlibat dalam tahap ini ialah; pengetahuan cara membaca teks Arab dari aspek arah, huruf, perkataan, tanda bacaan, tanda tulisan sebutan dan rujukan.

Untuk tahap sederhana pula, pengkaji telah membahagikannya kepada empat kemahiran iaitu; ketrampilan bahasa, kefahaman, kritikan dan reaksi. Dapatan skor min

keseluruhan tahap ini ($M = 3.27$, $SD = .50$). Kemahiran ketrampilan bahasa ($M = 3.29$, $SD = .82$), kemahiran kognitif kefahaman ($M = 3.27$, $SD = .53$), kemahiran kognitif kritikan ($M = 3.27$, $SD = .61$) dan kemahiran kognitif reaksi ($M = 3.28$, $SD = .52$). Semua kemahiran-kemahiran ini melibatkan 34 item yang terdapat dalam soal selidik. Ia bermula dari item 11 sehingga item 43.

Manakala bagi tahap pemikiran tinggi pula pengkaji telah membahagikannya kepada dua kemahiran iaitu; kemahiran penghayatan teknik membaca yang baik dan kemahiran penghayatan budaya. Keputusan analisis skor min keseluruhan tahap ini ($M = 3.20$, $SD = 0.59$). Dapatan skor min kemahiran penghayatan teknik yang baik ($M = 3.34$, $SD = .60$), manakala kemahiran penghayatan budaya ($M = 2.48$, $SD = .90$)

Pemikiran responden mengikut kemahiran yang terdapat pada setiap tahap boleh diperhatikan dengan jelas berdasarkan dapatan skor min tertentu. Jadual 4.5 menerangkan skor min tersebut.

Jadual 4.5 Skor Min Pemikiran Responden Mengikut Kemahiran

Tahap pemikiran	Kemahiran yang dinilai	Min	S.P
Rendah	Pengetahuan teknikal	4.23	.41
	umum semasa membaca		
Sederhana	Ketrampilan tatabahasa	3.29	.82
	Kemahiran kognitif peringkat permulaan (kefahaman)	3.27	.53
	Kemahiran kognitif peringkat pertengahan (kritikan)	3.27	.61
	Kemahiran kognitif peringkat atas (reaksi)	3.28	.52
Tinggi	Penghayatan teknik membaca yang baik	3.34	.60
	Penghayatan budaya	2.48	.90

4.2.1.3 Pemikiran Pelajar Secara Keseluruhan; Iaitu Mengikut Tahap Rendah, Sederhana Dan Tinggi

Bagi menjelaskan pemikiran responden secara keseluruhan, pengkaji akan melaporkan keputusan ujian t berdasarkan min bagi setiap program yang disertai responden mengikut tahap.

Dapatan min pemikiran tahap rendah bagi sampel kajian ini ($n = 135$), kumpulan program PPISMP ($M = 4.11$, $SD = .44$, $n = 39$) secara signifikan [$t(133) = -2.161$, $p < .05$] memperoleh skor min pemikiran paling rendah berbanding dengan kumpulan

program PISMP (IPG) ($M = 4.28$, $SD = .40$, $n = 96$). Nilai perbezaan min $-.1700$ menunjukkan bahawa pelajar program PISMP (IPG) lebih tinggi tahap pemikiran rendah mereka berbanding dengan pelajar program PPISMP.

Dalam pada itu bagi tahap pemikiran sederhana, dapatan min sederhana faham bagi sampel kajian ini ($n = 135$), kumpulan program PPISMP ($M = 3.20$, $SD = .44$, $n = 39$) secara tidak signifikan [$t(133) = -.917$, $p > .05$] memperoleh pemikiran sederhana faham yang hampir sama dengan kumpulan program PISMP (IPG) ($M = 3.30$, $SD = .57$, $n = 96$). Menunjukkan bahawa program yang disertai oleh pelajar tidak mempengaruhi tahap pemikiran sederhana faham mereka. Jika ditinjau pada tahap pemikiran sederhana kritik pula, Kumpulan program PPISMP ($M = 3.22$, $SD = .61$, $n = 39$) secara tidak signifikan [$t(133) = -.606$, $p > .05$] menunjukkan tahap pemikiran sederhana kritik yang hampir menyamai dengan kumpulan PISMP (IPG) ($M = 3.29$, $SD = .61$, $n = 96$). Dapatan ini juga menunjukkan bahawa program yang disertai pelajar tidak mempengaruhi tahap pemikiran kritik mereka. Di samping itu jika dilihat kepada dapatan tahap sederhana reaksi serta tahap ketrampilan tatabahasa pelajar program PPISMP ($M = 3.23$, $SD = .43$, $n = 39$) serta ($M = 3.15$, $SD = .74$, $n = 39$) secara tidak signifikan [$t(133) = -.680$, $p > .05$] dan [$t(133) = -1.275$, $p > 0.5$] memperoleh pemikiran tahap reaksi dan tahap ketrampilan tatabahasa yang hampir sama dengan pelajar PISMP (IPG) ($M = 3.30$, $SD = .55$, $n = 96$) dan ($M = 3.35$, $SD = .85$, $n = 96$). Menunjukkan program yang disertai tidak mempengaruhi tahap pemikiran sederhana reaksi dan ketrampilan bahasa mereka.

Jika ditinjau dapatan tahap pemikiran tinggi responden ($n = 135$) pula, analisis dapatan penghayatan teknik membaca yang baik bagi pelajar PPISMP ($M = 3.23$, $SD = .55$, $n =$

39) secara tidak signifikan [$t(133) = -1.324, p > .05$] memperoleh skor min yang tidak terlalu jauh bezanya dengan pelajar PISMP (IPG) ($M = 3.38, SD = .62, n = 96$). Analisis ini juga menunjukkan program yang disertai oleh pelajar kurang mempengaruhi penghayatan teknik membaca yang baik di kalangan mereka. Apabila analisis dibuat untuk mengetahui tahap penghayatan bentuk- bentuk sastra dalam karya tradisi Arab semasa mereka membaca, dapatan bagi responden kajian ini ($n = 135$), kumpulan pelajar PPISMP ($M = 2.12, SD = .86, n = 39$) secara signifikan [$t (133) = -3.041, p < .05$] memperoleh skor min yang rendah berbanding dengan kumpulan pelajar PISMP (IPG) ($M = 2.63, SD = .88, n = 96$).

Dapatan menunjukkan bahawa pelajar PISMP (IPG) lebih tinggi penghayatan mereka ketika membaca bentuk-bentuk sastra dalam karya tradisi Arab. Analisis ini menunjukkan bahawa program yang disertai pelajar dapat mempengaruhi daya penghayatan mereka.

Jadual 4.6 akan menjelaskan lagi tahap keseluruhan pencapaian pemikiran bagi kedua-dua kelompok pelajar PPISMP dan PISMP (IPG) yang menjadi responden kajian ini.

Jadual 4.6 Dapatan Keseluruhan Pencapaian Tahap Pemikiran

Tahap pemikiran	Responden	Min	S.P
Rendah	PPISMP	4.11	.44
	PISMP (IPGM)	4.28	.40
Sederhana	PPISMP	3.21	.43
	PISMP (IPGM)	3.30	.53
Tinggi	PPISMP	3.05	.54
	PISMP (IPGM)	3.26	.60

4.2.2 Rumusan

Secara keseluruhan, tahap pemikiran responden terhadap bacaan teks Arab adalah sederhana. Ini membuktikan tahap penguasaan bacaan mereka berada pada tahap yang sama. Perkara ini terbukti apabila lebih separuh ($n = 68$) 50.4% daripada responden tidak mempunyai pengetahuan mendalam pada item di tahap tinggi. Manakala 37% daripada mereka ($n = 50$) tidak pasti dan 12.6 % ($n = 17$) sahaja yang berpengetahuan tinggi. Dapatan ini telah menolak hipotesis pengkaji pada awal kajian iaitu; pelajar yang merupakan bakal guru sepatutnya berada pada tahap pemikiran tinggi. Pengkaji juga mendapati bahawa semua responden ($n = 135$) atau 100 % dapat menguasai bacaan pada tahap pemikiran rendah.

4.3 Tahap Pemahaman Pelajar Terhadap Bacaan Teks Arab

4.3.1 Analisis Dan Dapatan Data

Dapatan bagi objektif ini diperolehi menerusi jawapan responden ke atas soalan 1 dan soalan 2 dalam kertas ujian kefahaman yang diedarkan bersama soal selidik. Responden diminta untuk menjawab kesemua sepuluh soalan yang dikemukakan. Jawapan responden dianalisis berdasarkan skala serta gred markah ujian yang telah ditetapkan dalam bab ketiga kajian ini.

Hasil daripada analisis yang telah dijalankan ke atas jawapan responden ($n = 135$), didapati skor keseluruhan min bagi markah ujian ($M = 48.66$, $SD = 14.13$). Manakala skor min untuk gred markah ujian ($M = 2.6$, $SD = 1.04$). Dapatan markah ujian yang paling rendah diperolehi ialah 20% dan paling tinggi ialah 80%.

Jadual 4.7 berikut menjelaskan dapatan markah ujian yang diperolehi responden.

Jadual 4.7 Taburan Dapatan Markah Ujian Kefahaman

Markah (%)	Frekuensi	Peratus
20	3	2.2
30	23	17
40	26	19.3
50	44	32.6
60	22	16.3
70	10	7.4
80	7	5.2
Total	135	100

Seterusnya, jadual 4.5 menjelaskan dapatan frekuensi serta peratus bagi gred markah yang diperolehi responden daripada ujian kefahaman.


Jadual 4.8 Taburan Dapatan Gred Markah Ujian

Gred Markah Ujian	Frekuensi	Peratus
Amat Rendah	26	19.3
Rendah	26	19.3
Sederhana	66	48.9
Sederhana Tinggi	10	7.4


Jadual 4.8, sambungan

Tinggi	7	5.2
Total	135	100


Kedua-dua dapatan markah ujian dan gred markah dipaparkan dalam rajah graf dibawah;



Rajah 4.1 Dapatan Markah Ujian (Carta Bar)



Rajah 4.2 Dapatan Markah Ujian (Graf)



Rajah 4.3 Dapatan Gred Markah Ujian

Dapatan daripada analisis data mentah yang diperolehi menunjukkan mod markah ujian ialah 50.00 dan mod gred markah ujian ialah 3.00. Dapatan ini menjelaskan penguasaan membaca serta kefahaman responden secara keseluruhan terhadap teks Arab adalah sederhana.

Dalam pada itu, analisis ujian Khi Kuasa Dua (Pearson Chi-Square) yang dilakukan ke atas markah ujian berdasarkan jantina, ($\chi^2 = 15.078$, $df=6$, $p < .05$) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penguasaan kefahaman tinggi yang signifikan antara responden perempuan berbanding responden lelaki. Ini bererti secara signifikan, dalam populasi di mana sampel kajian diambil, responden perempuan lebih memahami apa yang dibaca manakala responden lelaki kurang memahami apa yang dibaca.

Jadual 4.9 di bawah menunjukkan taburan frekuensi dapatan markah ujian berdasarkan jantina.

Jadual 4.9 Frekuensi Markah Ujian berdasarkan Jantina

		Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
Markah Ujian	20%	1	2	3
	30%	16	7	23
	40%	10	16	26
	50%	12	32	44
	60%	8	14	22
	70%	2	8	10
	80%	1	6	7
Jumlah		50	85	135

Nota: Nilai ujian Khi Kuasa Dua = 15.078, df=6, p<.05

Dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (Pearson Chi-Square) ke atas gred markah ujian yang dijalankan berdasarkan jantina, ($\chi^2 = 13.064$, df=4, p<.05) menunjukkan pencapaian gred markah ujian yang signifikan bagi responden perempuan berbanding pencapaian responden lelaki. Ini menunjukkan responden perempuan lebih mantap pencapaian mereka, manakala pencapaian responden lelaki kurang mantap.

Jadual 4.10 menjelaskan pencapaian gred markah ujian berdasarkan jantina.

Jadual 4.10 Frekuensi Gred Markah Ujian berdasarkan Jantina

		Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
Gred Markah Ujian	Amat Rendah	17	9	26
	Rendah	10	16	26
	Sederhana	20	46	66
	Sederhana Tinggi	2	8	10
	Tinggi	1	6	7
Jumlah		50	85	135

Nota: Nilai ujian Khi Kuasa Dua = 13.064, df=4, $p < .05$

Dalam pada itu, jika ditinjau dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (Pearson Chi-Square) ke atas markah ujian yang dijalankan berdasarkan pengkhususan major, ($\chi^2 = 6.194$, df=6, $p > .05$) menunjukkan pencapaian markah ujian yang tidak signifikan bagi responden pengkhususan major Bahasa Arab dan major Pendidikan Islam. Ini menunjukkan responden pengkhususan major Bahasa Arab tidak semestinya mendapat markah yang tinggi berbanding responden pengkhususan major Pendidikan Islam. Keadaan ini menjelaskan pengkhususan major tidak mempengaruhi pencapaian responden.

Jadual 4.11 menjelaskan pencapaian markah ujian berdasarkan pengkhususan major

Jadual 4.11 Taburan Frekuensi Pencapaian Markah Ujian Berdasarkan Pengkhususan Major

		Major		Jumlah
		Bahasa Arab	Pendidikan Islam	
Markah Ujian	20%	2	1	3
	30%	8	15	23
	40%	11	15	26
	50%	22	22	44
	60%	6	16	22
	70%	6	4	10
	80%	2	5	7
Jumlah		57	78	135

Nota: Nilai ujian Khi Kuasa Dua = 6.194, df=6, p>.05

Jika ditinjau pula dapatan analisis ujian Khi Kuasa Dua (Pearson Chi-Square) ke atas gred markah ujian yang dijalankan berdasarkan pengkhususan major, ($\chi^2 = 1.982$, df=4, p>.05) menunjukkan pencapaian gred markah ujian yang tidak signifikan bagi responden berpengkhususan major Bahasa Arab dan major Pendidikan Islam. Ini menunjukkan responden berpengkhususan major Bahasa Arab tidak semestinya mendapat gred markah yang tinggi dalam ujian kefahaman teks bahasa Arab berbanding responden berpengkhususan major Pendidikan Islam. Keadaan ini menjelaskan pengkhususan major tidak mempengaruhi pencapaian gred yang tinggi bagi responden.

Jadual 4.12 menjelaskan pencapaian gred markah ujian berdasarkan pengkhususan major

Jadual 4.12 Taburan Frekuensi Pencapaian Gred Markah Ujian Berdasarkan Pengkhususan Major

		Major		Jumlah
		Bahasa Arab	Pendidikan Islam	
Gred Markah Ujian	Amat Rendah	10	16	26
	Rendah	11	15	26
	Sederhana	28	38	66
	Sederhana Tinggi	6	4	10
	Tinggi	2	5	7
Jumlah		57	78	135

Nota: Nilai ujian Khi Kuasa Dua = 1.982, df=4, $p > .05$

4.3.2 Rumusan

Secara keseluruhan, tahap pemahaman pelajar terhadap bacaan teks Arab adalah sederhana. Ini membuktikan tahap penguasaan bacaan mereka berada pada tahap yang sama. Perkara ini terbukti apabila lebih separuh ($n = 66$) 48.9% daripada responden memperolehi julat markah antara 50 hingga 60 yang menunjukkan tahap pemahaman sederhana. Manakala separuh daripada mereka ($n = 52$) 38.6% pula memperolehi julat markah antara 20 hingga 40 berada pada pemahaman rendah dan amat rendah. Hanya 7.4 % sahaja atau ($n = 10$) tahap pemahaman mereka sederhana tinggi dan 5.2% sahaja atau ($n = 7$) tahap pemahaman mereka tinggi.

Apabila dilihat pada tahap pemahaman teks Arab berdasarkan jantina pula, analisis membuktikan responden perempuan lebih memahami teks Arab yang dibaca iaitu; 10.4% berada pada tahap pemahaman tinggi. Berbanding responden lelaki hanya memperoleh 2.2% pada tahap pemahaman yang sama. Dapatan analisis juga menjelaskan bahawa pengkhususan yang disertai oleh responden tidak mempengaruhi pemahaman responden secara signifikan terhadap teks Arab yang dibaca.

4.4 Hubungan Di Antara Tahap Pemikiran Dan Tahap Pemahaman Dalam Bacaan Teks Arab.

4.4.1 Analisis Dan Dapatan Data


Bagi menjawab objektif yang ketiga ini, hubungan antara pelbagai pembolehubah diambil kira dengan tahap pemahaman berdasarkan markah ujian dan gred ujian. Antara pembolehubah yang terlibat ialah min setiap tahap pemikiran, jantina, pengkhususan major, program, semester dan sekolah terakhir.

Min tahap pemikiran responden ($n = 135$) mengikut tahap pemahaman mereka terhadap bacaan teks Arab dipaparkan dalam Jadual 4.13.

Jadual 4.13 Min Tahap Pemikiran Responden

Tahap Pemahaman	n	%	Min	S.P
Rendah	52	38.5	3.60	.37
Sederhana	66	48.9	3.55	.46
Tinggi	17	12.6	3.52	.37
Jumlah	135	100	3.55	0.4

Melalui Jadual 4.10, responden dengan tahap pemahaman rendah memperoleh min skor tertinggi iaitu 3.60, diikuti responden dengan tahap pemahaman sederhana (3.55), dan akhir sekali responden dengan tahap pemahaman tinggi dengan min 3.52. Secara kasar, dapatan ini menunjukkan penurunan min tahap pemikiran responden berdasarkan penurunan tahap pemahaman mereka. Walau bagaimanapun, perbezaan antara min terlalu kecil. Gambaran secara rajah dipaparkan dalam Rajah 4.4.



Rajah 4.4 Tahap Pemikiran Responden Berdasarkan Tahap Pemahaman

Hasil analisis bagi sampel kajian ini ($n = 135$), korelasi antara tahap pemikiran ($M = 3.57$, $SD = .42$) dan tahap pemahaman berdasarkan markah ujian ($M = 48.6$, $SD = 14.1$) adalah sangat lemah, pekali korelasi $r(133) = -.043$, $p > .05$. Hubungan korelasi ini adalah negatif dan tidak signifikan di mana nilai $p > .05$.

Keputusan analisis menunjukkan bahawa responden yang mempunyai tahap pemikiran tinggi tidak semestinya mempunyai tahap pemahaman tinggi. Pernyataan ini juga ditunjukkan oleh nilai r yang negatif antara tahap pemikiran dan tahap pemahaman. Ini menjelaskan bahawa, tidak semua responden yang berfikir tinggi memahami dengan baik apa yang dibaca. Mereka hanya mampu memahami pada tahap pemahaman yang rendah sahaja.

Setelah melihat analisis korelasi keseluruhan tahap pemikiran dengan tahap pemahaman, maka adalah lebih baik diperincikan dapatan ini kepada korelasi mengikut tiga tahap pemikiran responden dengan tahap pemahaman bermula dari tahap rendah, sederhana dan tinggi.

Jika ditinjau dapatan korelasi responden ($n = 135$) dari sudut min tahap pemikiran rendah ($M = 4.23$, $SD = .41$) dengan tahap pemahaman ($M = 48.6$, $SD = 14.1$) menunjukkan kekuatan korelasi yang sangat lemah di mana pekali korelasi $r = -.067$, $p > .05$. Hubungan korelasi adalah negatif dan tidak signifikan di mana nilai $p > .05$.

Dapatan korelasi dari sudut min tahap pemikiran sederhana pula, ($M = 3.27$, $SD = .50$) dengan tahap pemahaman ($M = 48.6$, $SD = 14.1$) memperoleh kekuatan korelasi yang sangat lemah, pekali korelasi $r = -.008$, $p > .05$. Hubungan korelasi pada peringkat ini adalah negatif dan tidak signifikan di mana $p > .05$.


Dalam pada itu, dapatan korelasi min tahap pemikiran tinggi ($M = 3.20$, $SD = .59$) dengan tahap pemahaman ($M = 48.6$, $SD = 14.1$), juga menunjukkan kekuatan korelasi yang sangat lemah. Nilai pekali korelasi $r = -.037$, $p > .05$. Hubungan yang ditunjukkan adalah negatif dan tidak signifikan di mana nilai $p > .05$.

Analisis korelasi keseluruhan bagi ketiga-tiga min tahap pemikiran dengan tahap pemahaman adalah negatif, di mana nilai pekali korelasi r adalah negatif. Ini menunjukkan, tahap pemikiran responden tidak mempengaruhi tahap pemahaman mereka semasa menjawab soalan yang dikemukakan. Kelemahan hubungan ini mungkin disebabkan faktor ketidaksediaan mereka menjawab soalan kefahaman atau faktor-faktor lain yang munasabah.

Keadaan ini boleh dilihat dalam Jadual 4.14 dan graf dibawah.

Jadual 4.14 Nilai Min Tahap Pemikiran

Tahap Pemahaman	r	Min	S.P
Rendah	-.057	4.23	.41
Sederhana	-.008	3.27	.50
Tinggi	-.037	3.20	.37




Rajah 4.5 Tiga Tahap Pemikiran Responden Berdasarkan Tahap Pemahaman

Walau bagaimanapun dapatan analisis korelasi pemahaman dengan jantina adalah lebih menarik dan positif. Dapatan korelasi pada peringkat ini melibatkan pemahaman berdasarkan markah ujian, gred markah dengan jantina.

Dapatan korelasi pertama antara pemahaman berdasarkan markah ujian dengan jantina, menggambarkan hasil analisis bagi sampel kajian ini ($n = 135$), korelasi antara jantina ($M = 1.62$, $SD = .48$) dan tahap pemahaman berdasarkan markah ujian ($M = 48.6$, $SD = 14.1$) adalah sangat lemah, pekali korelasi $r(133) = .254$, $p < .05$. Hubungan korelasi ini adalah positif dan signifikan di mana nilai $p < .05$. Dalam pada itu, dapatan korelasi gred markah ujian dengan jantina bagi sampel kajian yang sama ($n = 135$), korelasi antara jantina ($M = 1.62$, $SD = .48$) dan gred markah ujian ($M = 2.60$, $SD = 1.04$) adalah juga sangat lemah, pekali korelasi $r(133) = .295$, $p < .05$. Hubungan korelasi positif dan

signifikan di mana nilai $p < .05$. Hubungan korelasi ini boleh dilihat dalam rajah graf berikut:




Rajah 4.6 Korelasi Nilai r Berdasarkan Jantina

Seterusnya, dapatan analisis korelasi antara pengkhususan major dengan tahap pemahaman berdasarkan markah ujian ke atas sampel kajian ($n = 135$). Korelasi pengkhususan major ($M = 1.57$, $SD = .49$) dengan tahap pemahaman ($M = 48.6$, $SD = 14.1$) adalah sangat lemah. Pekali korelasi $r(133) = .015$, $p > .05$. Hubungan korelasi adalah positif dan tidak signifikan di mana nilai $p > .05$. Dapatan ini tidak signifikan di mana hanya 3.5% atau $n = 2$ responden yang berpengkhususan major bahasa Arab memperoleh markah ujian 80% berbanding 6.4% atau $n = 5$ responden yang berpengkhususan Pendidikan Islam mendapat markah yang sama. Keadaan ini menunjukkan pengkhususan major tidak mempengaruhi tahap pemahaman responden. Akan tetapi, perbezaannya agak kurang ketara.

Dalam pada itu, dapatan analisis korelasi program dan semester dengan tahap pemahaman berdasarkan markah ujian untuk sampel kajian ($n = 135$) digambarkan yang mana kolerasi program ($M = 1.71$, $SD = .45$), semester ($M = 2.71$, $SD = .45$) dengan tahap pemahaman ($M = 48.6$, $SD = 14.1$) adalah juga sangat lemah. Pekali kolerasi bagi program dan semester adalah sama di mana nilai $r(133) = .067$, $p > .05$. Hubungan kolerasi adalah positif, meskipun demikian nilai $p > .05$. Walaupun hubungannya adalah positif, tetapi sangat lemah dan tidak signifikan. Program dan semester tidak mempengaruhi dapatan tahap pemahaman. Keadaan ini menggambarkan program serta semester yang disertai responden tidak mempengaruhi tahap penguasaan mereka. Berkemungkinan besar perbezaan semester 2 dan 3 yang agak dekat kurang mempengaruhi penguasaan responden.

Dapatan bagi pengkhususan major, program dan semester dapat dilihat dalam graf 4.7 di bawah.



Rajah 4.7 Nilai r Berdasarkan Major, Program Dan Semester

Di samping itu, dapatan analisis korelasi responden kajian ($n = 135$) ke atas sekolah terakhir responden dengan tahap pemahaman berdasarkan markah ujian adalah lebih menarik. Korelasi sekolah terakhir ($M = 2.59$, $SD = 1.00$) dengan tahap pemahaman ($M = 48.6$, $SD = 14.1$) adalah sangat lemah tetapi nilai pekali r lebih besar daripada pemboleh ubah yang lain. Nilai pekali korelasi $r(133) = 1.46$, $p < .05$. Hubungan korelasi adalah positif dan signifikan di mana nilai $p < .05$. Dapatan ini menunjukkan sekolah terakhir responden mempengaruhi dapatan tahap pemahaman serta penguasaan mereka.

4.4.2 Perbincangan

Secara umumnya, dapatan bagi objektif kajian ini tidak konsisten dengan dapatan kajian-kajian lain yang menyelidik hubungan antara tahap pemikiran dan tahap pemahaman, kerana hampir kesemua kajian tersebut menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara tahap pemikiran dengan tahap pemahaman. Meneliti dapatan yang diperolehi, dapatlah ditegaskan bahawa tahap pemikiran responden yang dinyatakan mempunyai perkaitan yang tidak signifikan dengan tahap pemahaman mereka. Dapatan ini tidak menyokong hipotesis kajian yang mengandaikan terdapat hubungan yang signifikan antara pasangan pemboleh ubah ini.

Namun demikian, pemboleh ubah jantina dan sekolah terakhir menunjukkan dapatan yang signifikan terhadap hubungan dengan tahap pemahaman. Meneliti dapatan yang diperolehi, kedua-dua pemboleh ubah ini menunjukkan nilai pekali korelasi positif yang sangat lemah. Nilai pekali korelasi bagi jantina ialah (.254) manakala bagi sekolah

terakhir ialah (.146). Keteguhan hubungan ini agak lemah memandangkan pekali kolerasi yang wujud agak hampir kepada sifar.

Hubungan yang agak lemah ini kemungkinan berkait dengan kelemahan dalam membina strategi pembacaan yang baik, perspektif terhadap pembacaan, juga teknik pengajaran pensyarah yang kurang melibatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Dalam pada itu, pengalaman sekolah terakhir yang disertai, sedikit sebanyak mempengaruhi dapatan korelasi dalam kajian ini.

Selain itu, perlu ditegaskan bahawa kesemua pembolehubah selanjut ini juga bukanlah suatu fenomena peribadi atau dalaman yang dicetuskan oleh diri setiap individu responden semata-mata. Bahkan faktor-faktor motivasi, kognitif, tanggapan terhadap pembelajaran bahasa Arab, kesungguhan dalam pembacaan teks Arab, serta minat terhadap bahasa Arab turut dipengaruhi oleh aspek luaran seperti pengajaran, peperiksaan, interaksi dengan rakan, keperluan tugas bahasa, suasana institusi dan matlamat pembelajaran. Justeru, hakikatnya gambaran yang dipaparkan di sini hanyalah sebahagian kecil daripada fenomena yang kompleks dan luas.

Lantaran itu, keputusan yang diperolehi di luar jangkaan kerana secara logiknya, responden yang tinggi tahap pemikirannya sewajarnya memperoleh tahap pemahaman yang tinggi. Keadaan ini sudah tentu mengundang pelbagai persoalan. Kenapa responden yang tahap pemikiran mereka tinggi tidak menunjukkan pencapaian pemahaman yang memberangsangkan?

Sebagai penjelasan, pengkaji cuba mengutarakan beberapa faktor yang mungkin menjadi punca keadaan ini, antaranya;

- i. Responden tidak memahami kehendak soalan.
- ii. Responden membuat tekaan yang betul semasa memilih jawapan.
- iii. Kelemahan responden memahami leksikal yang terdapat dalam teks.
- iv. Frekuensi membaca teks Arab yang rendah di masa lapang.

Tegasnya, tiada kejytuan hubungan antara tahap pemikiran dengan tahap pemahaman di kalangan responden kajian yang dipilih.

4.5 Kesimpulan

Daripada analisis data yang dibuat, tiga bentuk dapatan data kajian telah diperolehi sebagaimana berikut;

- i. Bagi analisis tahap pemikiran responden terhadap bacaan teks Arab, dapatan membuktikan tahap pemikiran mereka berada pada tahap sederhana dan kesemuanya dapat menguasai tahap pemikiran rendah dan hanya segelintir sahaja yang berada pada tahap pemikiran yang tinggi. Ini membuktikan tahap penguasaan bacaan mereka berada pada tahap yang sederhana.

- ii. Bagi analisis tahap pemahaman responden terhadap teks Arab yang dibaca, secara keseluruhan majoriti mereka berada pada tahap sederhana.
- iii. Bagi analisis korelasi antara tahap pemikiran dan pemahaman, terdapat hubungan yang negatif dan lemah manakala analisis korelasi pemahaman dengan pembolehubah selanjut yang lain seperti jantina dan sekolah terakhir menunjukkan terdapat hubungan yang positif tetapi kekuatannya agak lemah.